



PHILIP BEGINDA & BILCHER BALA

Pengaruh Demografi terhadap Perubahan Sosio-Politik Orang Iban di Sarawak

IKHTISAR: Mengenai demografi orang Iban di Sarawak, Malaysia tidak dapat dipisahkan daripada penyelusuran sejarah asal-usul keturunan orang Iban, yang berkait rapat dengan sejarah migrasi. Faktor demografi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap perubahan sosio-politik. Petempatan yang terpisah berasaskan sistem sungai mempengaruhi corak pemikiran politik dalam kalangan orang Iban di Sarawak. Semakin jauh jarak antara setiap petempatan akan semakin terpisah pemikiran politik mereka. Penyatuan politik secara kolektif adalah sukar, kerana timbul pertentangan kepentingan dalam kalangan mereka. Masing-masing mengutamakan dominasi parti politik yang mereka sokong. Artikel ini, dengan menggunakan pendekatan sains sosial dan kaedah sejarah, menerangkan sejarah asal-usul dan corak migrasi orang Iban berasaskan empat fasa: tradisional, pemerintahan dinasti Brooke, pasca kemerdekaan 1963, dan pasca 1983. Penelitian terhadap perkembangan demografi berasaskan pola petempatan dapat mengenalpasti perubahan ke atas kepimpinan, pemikiran, dan perjuangan politik. Ianya dapat pula menyumbang satu dimensi demografi dalam memahami perubahan sosio-politik orang Iban di Sarawak. Sehingga era 2000-an, corak politik demografi masih membelenggu orang Iban, dan menyebabkan belum muncul pemimpin yang dapat menyatupadukan sosio-politik bangsa Iban.

KATA KUNCI: Demografi; Perubahan; Orang Iban; Sarawak; Sosio-Politik

ABSTRACT: "The Influence of Demographics on the Socio-Political Change of the Iban People in Sarawak". On the demographics of Iban people in Sarawak, Malaysia are inseparable from the search for the history of Iban ancestry that closely related to the history of migration. Demographic factors have a significant influence on socio-political changes. Separated settlements based on river systems affect the pattern of political thinking among the Iban people in Sarawak. The distance between each settlement will be further detached from their political thinking. Collective political consolidation is difficult as conflicts arise amongst them. Each of them prioritizes the domination of the political parties they support. This article, by using the social sciences approaches and historical method, describes the history of Iban origin and migration patterns in the four-phase: traditional, Brooke dynasty rule, post-independence of 1963, and post-1983. Research on demographic-based settlement patterns can identify changes to leadership, thinking, and political struggles. It contributes also to one dimension of demographics in understanding the socio-political change of Iban people in Sarawak. Until the 2000s, demographic political patterns were still shackles of Iban people, and caused not to the emergence of leaders who could unite the socio-political of Iban as a nation.

KEY WORD: Demographics; Changes; Iban People; Sarawak; Socio-Politics.

About the Authors: Philip Beginda ialah Pelajar Ijazah Kedoktoran (Ph.D.) di Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni, dan Warisan UMS (Universiti Malaysia Sabah) di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Prof. Madya Dr. Bilcher Bala ialah Pensyarah Kanan di Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni, dan Warisan UMS di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi secara terus melalui alamat emel di: philbegin68@gmail.com dan rupanx@gmail.com

Suggested Citation: Beginda, Philip & Bilcher Bala. (2018). "Pengaruh Demografi terhadap Perubahan Sosio-Politik Orang Iban di Sarawak" in *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 6(1), March, pp.43-60. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, ISSN 2302-5808.

Article Timeline: Accepted (January 28, 2018); Revised (February 28, 2018); and Published (March 30, 2018).

PENDAHULUAN

Perbincangan mengenai demografi orang Iban tidak dapat dipisahkan daripada penyelusuran terhadap sejarah asal-usul keturunan orang Iban di setiap petempatan utama, yang berkait rapat dengan sejarah migrasi. Oleh itu, makalah ini akan menyentuh tentang sejarah asal-usul dan corak migrasi keturunan orang Iban di setiap petempatan utama berasaskan empat fasa, iaitu: fasa tradisional, fasa pemerintahan dinasti Brooke, fasa pasca kemerdekaan tahun 1963, dan fasa selepas tahun 1983.

Budaya *bejalai* (mengembara) dan *ngayau* (memburu kepala), di samping sejarah asal-usul orang Iban, telah membentuk suatu sosio-budaya yang turut mempengaruhi sosio-politik orang Iban selepas kemerdekaan (Bock, 1882; Kedit, 1993; Maunati, 2004; Soda & Seman, 2011; Sadan, 2015; dan Sulastri, 2017). Oleh itu, penelitian terhadap pola petempatan dilakukan untuk mengenalpasti bentuk perubahan yang berlaku dalam struktur kepimpinan, pemikiran, dan perjuangan politik mereka.

Melalui penyelusuran sejarah terhadap pembentukan pola demografi dapat memperjelaskan perihal kesukaran orang Iban untuk bersatu di bawah satu naungan politik, walaupun mereka berkongsi bahasa, budaya, dan tradisi yang sama (Sutlive Jr., 1978; Soda, 2003; dan Umbar, 2015). Dengan menggunakan pendekatan sains sosial dan kaedah sejarah (Baharuddin, 1992; Ibrahim, 1997; Ahmad, 1998; dan Sjamsuddin, 2007), artikel ini mahukan mendedahkan dan menganalisis pemerihal orang Iban, yang merangkumi: (1) Budaya *Bejalai* dan *Ngayau*; (2) Asal-Usul Orang Iban; (3) Migrasi Orang Iban; serta (4) Pengaruh Demografi terhadap Sosio-Politik.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Budaya Bejalai dan Ngayau.
Demografi awal orang Iban, yang

banyak dipengaruhi oleh budaya *bejalai* (mengembara) dan *ngayau* (memburu kepala), telah mendorong setiap pemimpin tradisional dan pemimpin perang Iban untuk menerokai kawasan petempatan baharu (Bock, 1882; Kedit, 1993; Soda & Seman, 2011; dan Sadan, 2015). Dalam konteks ini, Motomitsu Uchibori (1984) melihat berlaku persamaan antara migrasi dengan pengembangan wilayah orang Iban, melalui aliran keluar sebahagian daripada penduduk di petempatan yang pernah mereka duduki (Uchibori, 1984:215).

Oleh itu pula, perlabelan yang negatif dan tanggapan yang salah mengenai amalan *ngayau* tidak harus diberikan kepada manusia yang bergelar Dayak "Iban". Menurut Harry Usup Umbar (2015), hakikatnya orang Iban bukan samada *head hunters* (pemburu kepala) mahupun lanun, iaitu bukan bangsa yang sengaja membunuh orang sebarangan, kecuali seseorang itu telah dianggapnya sebagai musuh. Malah pemusuhan dalam kalangan sesama orang Iban bukan sengaja dicituskan oleh mereka sendiri, tetapi kerana wujudnya pihak ketiga (Umbar, 2015). Sila ambil pemerhatian petikan berikut ini:

[...] *retinya enda sengaja munuh orang sengapa enti orang nya ukai munuh. Mensia ti dianggap Dayak Iban munuh nya mensia, jelu tauka antu ti dulu ngaga uti bunuh ba sida. Bansa Dayak Iban mega enda bemunshu enggau diri sebansa, enti enda disabung bansa bukai* (dalam Umbar, 2015:vi).

Terjemahan:

[...] maknanya tidak sengaja membunuh orang sebarangan kalau bukan musuh. Manusia yang dianggap Dayak Iban sebagai musuh iaitu manusia, haiwan, ataupun hantu yang telah memulakan sengketa pembunuhan terhadap mereka. Bangsa Dayak Iban juga tidak bermusuhan sesama sendiri, jika tidak dilagakan oleh bangsa lain.

Maka, budaya *ngayau* (memburu kepala) pada ketika itu tidak harus

disalahertikan, tetapi ianya merupakan persoalan survival bagi meneruskan kelangsungan hidup orang Iban dalam dunia tradisional yang penuh dengan persaingan fizikal. Ini dapat juga dikaitkan dengan usaha mereka untuk mempertahankan wilayah sendiri, di samping mencari wilayah baru untuk mengembangkan kehidupan tradisional yang amat mencabar. Misalnya, kedatangan Brooke yang menjajah Sarawak dan memperkenalkan *pupu* (sistem cukai) telah mengganggu corak kehidupan orang Iban (Pringle, 1936; Sandin, 1967b; Sutlive Jr., 1992; dan Walker, 2002).

Manakala budaya *bejalai* (mengembara) dapat dikaitkan dengan keterlibatan orang Iban dalam kegiatan perdagangan, seperti mencari *tajau* (tembikar) yang dapat mengangkat martabat sosial, hingga mereka sanggup *bejalai* keluar daripada wilayah mereka. Orang Iban amat menyanjung tinggi budaya *bejalai*, kerana ianya dikaitkan dengan elemen kepercayaan spiritual, nilai sosial, dan mitologi, iaitu seseorang yang *bejalai* bukan hanya badannya mengembara, tetapi rohnya juga (Kedit, 1993:35).

Maka, dalam pengembaraan tersebut, ada ketikanya mereka diserang dan dibunuh dahulu, hingga menyebabkan berlakunya budaya *ngayau* sebagai respon ke atas tindakan musuh. Serangan balik orang Iban terhadap orang Murut, semasa *bejalai* mengadakan jual-beli *tajau* (tembikar) di sungai Trusan, contohnya, telah menyebabkan Trusan jatuh ke dalam penguasaan Brooke pada tahun 1900, dengan bantuan orang-orang Iban (Umbar, 2015:vii).

Lama-kelamaan budaya *bejalai* dan *ngayau* tersebut telah membentuk pola demografi petempatan yang baharu bagi orang Iban, yang masing-masing bergantung kepada ketua atau pemimpin perangnya sendiri, berasaskan sistem sungai pada ketika itu. Budaya tersebut telah membentuk

pola *riverine system*, iaitu setiap sungai ataupun petempatan memiliki *bujang berani*, atau pemimpin perangnya sendiri, yang mempunyai pengaruh dan penguasaan yang sangat kuat (Bock, 1882; Kedit, 1993; Soda & Seman, 2011; dan Sadan, 2015).

Asal-Usul Orang Iban. Iban dikatakan berasal daripada perkataan *Hivan*, *Divan*, atau *Ivan*, yang bermaksud *roving wanderer* (pengembara) *son in law* (menantu) dalam bahasa Kayan dan Bakatan (Bukitan), yang digunakan untuk merujuk kepada orang Iban Batang Rajang, sebelum digunakan terhadap Iban di tempat lain (Maxwell, 2001; dan Haddon & Start, 2011). Ini mungkin dikaitkan dengan sikap mereka pada zaman dahulu, yang suka mengembara dan berpindah dari suatu petempatan ke petempatan yang baharu.

Alfred C. Haddon & Laura E. Start (2011) merupakan ahli antropologi pertama yang dijangka menggunakan istilah "Iban", yang sinonim dengan *Dayak* dan *Sea Dayak* (Haddon & Start, 2011). Manakala keluarga Brooke dan orang Inggeris di Sarawak, serta orang Belanda di Kalimantan Barat, menggelar kaum ini sebagai *Sea Dayak* atau *Dayak Laut* (Sandin, 1967b:xix-xx; dan Ali, 2013).

Bagi orang Iban sendiri, istilah "Iban" digunakan berdasarkan tiga cara, iaitu: pertamanya, untuk membezakan diri mereka daripada *Land Dayak*, *Kayan*, *Melayu*, *Cina*, dan lain-lain; keduanya, ianya dirujuk sebagai manusia biasa bagi membezakan diri daripada *manang* atau dukun; dan ketiganya, ianya memberi maksud yang ringkas, contohnya *bisi iban di rumah?* (ada sesiapa di rumah?). Oleh itu, istilah "Iban" lebih jelas membawa pengertian sebagai "manusia biasa" (Jensen, 1974:17).

Tanah, sungai, dan hutan adalah antara tiga elemen terpenting, yang membolehkan seseorang itu hidup

sebagai Dayak sejati. Selama berabad-abad, tiga elemen itu telah membentuk suatu identiti unik yang dikenali sekarang sebagai: orang Dayak, kebudayaan Dayak, hukum adat Dayak, dan kepercayaan Dayak (Bamba, 2001:72; dan Soemadio, 2010).

Perkara tersebut menjadikan orang Dayak sebagai “manusia alam”, yang tahan lasak di dalam lingkungan alam. Budaya Hindu dipercayai telah mempengaruhi kepercayaan orang Dayak, terutamanya dari aspek persamaan mereka memiliki banyak *petara* (dewa atau tuhan). *Petara* dipercayai dipinjam daripada perkataan Hindu, yang merujuk kepada *Avatara*; namun terdapat perbezaan dari segi ejaannya, kerana orang Dayak tidak menyebut *V*, tetapi sebaliknya menggunakan *P* atau *B*, di samping gemar meringkaskan sebutan sesuatu perkataan (Howell, 1992:19).

Orang Iban tradisional percaya dengan keberadaan *petara* di banyak tempat, seperti *petara bunsu ribut* (dewa bongsu angin); *petara kebong langit* (dewa celah langit); *petara puchuk kayu* (dewa pucuk kayu); dan *petara tengah tanah* (dewa daratan). Namun begitu, tiga *petara* (dewa) utama yang sering dikaitkan dengan nilai budaya Iban, iaitu: *Singalang Burong* atau Dewa Peperangan; *Simpulang Gana* atau Dewa Roh Padi; dan *Selampandai* atau Dewa Pencipta Manusia (Coomans, 1987; Freeman, 1992; dan Sandin, 1994).

Para *Lemambang*¹ dan *Orang Tau Tusut* atau *Tukang Tusut*,² melalui *tusut*, iaitu senarai susurgalur yang dijadikan panduan untuk menghubungkan-kaitkan pertalian darah dan keturunan, mempercayai bahawa orang Iban berasal daripada *Singalang*

Burong, yang juga merupakan dewa segala burung, yang dikaitkan dengan alam mistik (Kedit, 1993:16). Orang Iban amat menghargai semua benda hidup dan bukan hidup, malah sentiasa mengadaptasikan diri dengan alam sekitarnya. Oleh itu, sebelum memulakan semua perkara, mereka akan sentiasa mengadakan upacara untuk memohon restu daripada semua dewa tersebut.

Fakta yang ditulis oleh Enthoven, dalam tahun 1903, sebagaimana dipetik oleh Victor T. King (1993), mengatakan bahawa terdapat orang Dayak, termasuk Iban, yang masuk Islam secara besar-besaran telah mengubah identiti dari Dayak ke Melayu, termasuk mengubah bahasanya dan menjadi penutur tunggal bahasa Melayu (King, 1993). Ada kemungkinan kumpulan Dayak tersebut dikenali sebagai suku Dayak Laut, kerana telah memeluk Islam, kemudian menukar identiti menjadi Melayu melalui apa yang disebut sebagai “masuk Melayu” atau *Senganan* (Sutlive Jr., 1978:12; dan Alloy *et al.*, 2008).

Menurut cerita lagenda, Bejie di Ketapang, Kalimantan Barat, Indonesia, diceritakan teringin sekali untuk bertemu sendiri dengan Tuhan “Allah”, yang menyebabkan Bejie telah mencipta tangga belian untuk naik ke langit (Sandin, 1994:89). Sebelum naik ke langit, Bejie telah melantik adiknya, bernama Bada, untuk mengetuai sekumpulan pengikut yang ditinggalkannya. Pada suatu hari, apabila Bada dan orangnya balik dari pemburuan sewaktu hujan lebat, menyebabkan secara kebetulan telah memetik beberapa helai daun untuk melindungi diri daripada titisan hujan. Kaum perempuan yang tinggal di dalam gua merasa pelik melihat kaum lelaki tidak basah, menyebabkan orang Bada akhirnya menggunakan daun kayu tersebut untuk membuat *dunju* atau tempat berteduh. Mereka yang

¹*Lemambang* merupakan Ketua bagi upacara adat kepercayaan tradisional Iban. Benedict Sandin (1967b:93) dan Erik Jensen (1974:61) merujuknya sebagai *fully initiated shamans*. Lihat juga, contohnya, James Jemut Masing (1997:80-84).

²Bermaksud “Pakar Susurgalur”. Lihat, selanjutnya, Benedict Sandin (1967b:xvi-xvii).

merasa selesa tinggal di dalam *dunju*, kemudiannya, telah membuat *langkau* atau pondok, dan seterusnya menjurus kepada pembinaan rumah panjang (Sandin, 1994).

Bermula dari cerita tersebut terbentuklah rumah panjang orang Iban yang pertama. Bagaimanapun, Bejie dan pengikutnya diceritakan telah jatuh berselerak, akibat daripada tangga yang mereka cipta untuk ke langit telah patah serta rebah, menyebabkan suku Iban berselerak di merata tempat (Sandin, 1967a:10). Pada tahun 2013, dianggarkan lebih-kurang 5,000 buah rumah panjang yang tersebar dan berselerak di seluruh Sarawak, Malaysia (Amir, 2013:433).

Bagaimanapun, manusia Borneo, termasuk Iban, menamakan diri mereka berdasarkan nama aliran sungai, nama bukit, atau nama kawasan yang mereka diami (Siyok & Yankris, 2014:1). Rumpun bangsa Dayak yang berbahasa *Ibanic* boleh dibahagikan kepada dua, iaitu: pertamanya, *Ibanic Sea Dayak* (Dayak Laut) di Sarawak, Malaysia, yang terdiri daripada orang Balau, orang Remun, orang Sebuyau, orang Iban, orang Iban Dau, orang Iban Lemanak, orang Iban Sibu, orang Iban Skrang, orang Iban Ulu Ai, dan orang Iban Undup. Keduanya, *Ibanic* di Kalimantan Barat dan Kalimantan Timur, Indonesia, yang terdiri daripada orang Mualang, orang Seberuang, orang Batang Lupar, orang Bugau, orang Kantu, orang Desa, orang Ketungau, orang Ketungau Sesat, orang Ketungau Banyur, orang Sebaruk, orang Sungkung, orang Undau, orang Randuk, orang Tabun, orang Saribas, dan orang Bulik (Siyok & Yankris, 2014).

Selain itu, terdapat orang Iban Selakau di Sarawak, Malaysia; Iban Brunei di Brunei Darussalam; Iban Merotai di Sabah, Malaysia; dan orang Iban Peranakan, iaitu perkahwinan campuran antara orang Iban dengan lain-lain. Selain itu, terdapat juga

rumpun Dayak Laut, seperti orang Kendayan, orang Keninjal, orang Malayic di Kalimantan Barat dan Kalimantan Tengah, Indonesia; serta orang Yakan di Pulau Basilan, Filipina (Sandin, 1994; dan Sather, 1994).

Ada pendapat lain, yang mengatakan bahawa penyebaran awal orang Dayak, merangkumi Iban di Kalimantan, berasal dari Teluk Yunan yang bermukim di wilayah pantai, sebelum melakukan perdagangan dengan bangsa lain hingga ke Singapura. Mereka seterusnya melakukan migrasi hingga sampai ke Republik Madagaskar di Afrika Timur. Orang Merina di Madagaskar, contohnya, dikatakan berasal daripada Dayak Maanyan, yang dianggarkan berjumlah lima juta orang; dan dikatakan juga Presiden negara tersebut merupakan orang Dayak (Siyok & Yankris, 2014:48).

Namun begitu, kebanyakan cerita legenda Iban mengaitkan asal-usul kedatangan orang Iban adalah dari Kalimantan, Indonesia. Malah tempat yang diceritakan sememangnya masih wujud di Kalimantan, dengan menggunakan bahasa Iban sebagai bahasa pertuturan di kebanyakan tempat tersebut. Misalnya, ramai orang di sepanjang Sungai Kapuas, Kalimantan Barat, masih menggunakan bahasa Iban dalam pertuturan harian mereka.³

Mengikuti John Bamba (2001), bahasa kedua yang paling ramai penuturnya di Kalimantan adalah bahasa Desa, yang terdapat di Kabupaten Sintang, Kalimantan Barat, Indonesia (Bamba, 2001). Bahasa tersebut mirip kepada bahasa Iban, sehingga beberapa ahli linguistik mengkategorikan bahasa Desa dalam kelompok bahasa *Ibanic* (Alloy *et al.*, 2008:xxv-xxvi). Damianus Siyok & Yankris (2014) pula mengatakan

³Temubual dengan Hieronimus Bumbun, 79 tahun, *Archbishop* Roman Katolik, di Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia, pada tarikh 19hb Mac 2015.

bahawa masyarakat yang tinggal di sungai Kapuas Bohang, Kalimantan Barat, dari *Nanga* (Kuala) Sekadau sampai Kapuas Hulu, Putusibau, hampir semuanya adalah rumpun bahasa *Ibanic* (Siyok & Yankris, 2014:4).

Selain itu, budaya Iban Mualang, yang mana petempatan mereka terletak di sungai Mualang sekarang, memiliki persamaan dengan Iban Saribas di Bahagian Sri Aman, Sarawak, Malaysia, dari aspek bahasa dan adat yang merangkumi perkahwinan, kematian, dan bercucuk tanam.⁴ Malah terdapat juga persamaan di antara bangsa *Ibanic* yang mendiami sungai Kapuas di Kalimantan Barat, Indonesia dan sungai Sarawak di Malaysia, dengan sub Ot Danum juga membuktikan bahawa pada zaman purba, mereka pernah menetap di petempatan yang sama. Misalnya, ayah dalam bahasa Kadorih disebut *amai*, manakala dalam bahasa *Ibanic* disebut *apai*; Ibu dalam bahasa Kadorih disebut *inai*, dan bahasa *Ibanic* disebut *indai* (Siyok & Yankris, 2014:26).

Mengikut anggaran bancian yang dibuat pada tahun 1871, jumlah penduduk Sarawak hingga ke Kedurong Point, populasi pedalaman termasuk *Land Dayak* dan *Sea Dayak*, Kayah, dan Kenyah berjumlah 250,000 orang berbanding populasi pantai Melayu dan Melanau seramai 100,000 orang; di samping populasi Cina seramai 45,000 orang, dan populasi pedalaman lain seramai 18,000 orang (Baring-Gould & Bampfylde, 1909:33).

Populasi orang Iban di bahagian kedua, pada tahun 1850, dianggarkan seramai 50,000 orang berbanding dengan 70,634 orang pada tahun 1960, menunjukkan peningkatan yang rendah di luar jangkaan, jelas menggambarkan berlakunya pergerakan keluar orang

Iban daripada bahagian itu ke utara dan arah timur (Sutlive Jr., 1978:23). Banci penduduk pada tahun 2010 pula menunjukkan bahawa taburan orang Iban adalah majoriti di 13 daripada 31 daerah kecil di Sarawak, jika dibandingkan dengan kumpulan etnik yang lain, iaitu di Sri Aman (26,473); Lubok Antu (24,164); Saratok (23,488); Maradong (12,322); Julau (14,504); Kanowit (23,469); Bintulu (59,087); Tatau (18,176); Kapit (42,430); Song (17,812); Miri (61,273); Pakan (14,423); dan Selangau (19,267). Selain itu, petempatan Niah-Suai di bawah Bahagian Miri turut mencatatkan polulasi yang tinggi juga, iaitu seramai 18,666 orang (dalam JP Malaysia, 2010; dan JKN Sarawak, 2014).

Manakala jika dianalisis berdasarkan Bahagian di Sarawak, populasi orang Iban paling ramai terdapat di Bahagian Miri, iaitu berjumlah 85,026 orang; diikuti Bahagian Bintulu berjumlah 72,809 orang; dan Bahagian Sibuh berjumlah 67,237 orang. Populasi orang Iban paling sedikit di daerah Lawas (Bahagian Limbang) berjumlah 1,079 orang; Bau (Bahagian Serian) berjumlah 1,376 orang; dan Dalat (Bahagian Mukah) berjumlah 1,619 orang (dalam JP Malaysia, 2010).

Analisis data bancian pada tahun 2010 juga menunjukkan bahawa kebanyakan orang Iban adalah beragama Kristian, seramai 544,347 orang; namun tidak kurang yang menganuti Konfusianisme, Tao, dan Puak/Suku/*Folk*/Agama tradisi lain orang Cina, seramai 97,708 orang; Tiada Agama seramai 42,194 orang; Lain-lain Agama seramai 15,823 orang; Islam seramai 10,978 orang; Buddha seramai 2,327 orang; dan Hindu seramai 554 orang (dalam JP Malaysia, 2010).

Bancian tersebut menunjukkan bahawa orang Iban menganuti pelbagai pegangan kepercayaan, malah masih ramai yang kekal mengamalkan

⁴Temubual dengan Albans Ak Meling, 77 tahun, Pesara dan Bekas Setiausaha Eksekutif PESAKA (Parti Pesaka Anak Sarawak) di Krian, Saratok, Sarawak, Malaysia, pada tarikh 16hb Mac 2016.

upacara tradisional (JP Malaysia, 2010). Bancian penduduk pada tahun 2014, populasi orang Iban sahaja telah bertambah kepada 749,800 orang (JP Malaysia, 2014).

Migrasi Orang Iban. Ramai pengkaji, antaranya Robert Pringle (1936); Benedict Sandin (1967a dan 1967b); J.D. Freeman (1970); Erik Jensen (1974); Vinson H. Sutlive Jr. (1978); dan J.H. Walker (2002), yang mengatakan bahawa asal-usul kedatangan orang Iban ke Sarawak dapat dikaji berdasarkan tiga andaian, iaitu: pertamanya, melalui Tanjung Datu di Lundu di Sarawak; keduanya, melalui Bukit Merudu di Brunei; dan ketiganya melalui Sungai Kapuas di Kalimantan Barat, Indonesia (Pringle, 1936:51; Sandin, 1967a:3 dan 1967b; Freeman, 1970:131-143; Jensen, 1974:18; Sutlive Jr., 1978:20; dan Walker, 2002:11).

Suku Dayak, termasuk orang Iban, juga dipercayai telah mendiami wilayah hulu Sungai Kapuas di Kalimantan Barat, Indonesia, sejak sekitar tahun 300-an, iaitu sebelum berlakunya peristiwa perang antara manusia dengan roh halus di Tanah Tampun Juah, sehingga menyebabkan berlaku migrasi secara besar-besaran (Alloy *et al.*, 2008:60-61). Migrasi orang Iban ke Sarawak dari Sungai Kapuas dikatakan melalui Kabupaten Ketapang, yang dikenali sebagai Tanah Kayong (Maxwell, 1989; Widjono, 1998; dan Alloy *et al.*, 2008).⁵

Secara umumnya, migrasi dalam makalah ini dibahagikan kepada empat fasa, untuk memudahkan perbincangan, kerana kesukaran untuk menentukan kerangka waktu sebenar bermulanya sesuatu peringkat migrasi tersebut. Pada fasa pertama, migrasi orang Iban tersebut amat sukar diketahui tarikh sebenarnya, kerana

⁵Lihat semula, contohnya, Temubual dengan Albans Ak Meling, 77 tahun, Pesara dan Bekas Setiausaha Eksekutif PESAKA (Parti Pesaka Anak Sarawak) di Krian, Saratok, Sarawak, Malaysia, pada tarikh 16hb Mac 2016.

kebanyakan fakta diperolehi melalui cerita lisan yang diperturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain. Berdasarkan banyak penceritaan lisan dari generasi terdahulu, migrasi terawal zaman tradisional Iban dipercayai bermula dari Kabupaten Ketapang ke Tanah Kayong (Maxwell, 1989; Widjono, 1998; dan Alloy *et al.*, 2008).

Keturunan Bejie, seperti yang telah diceritakan sebelum ini, terus berpindah dari Kayong ke Ulu Landak sebelum ke Malawi, dan seterusnya ke Sintang dan akhirnya sampai di sungai Kapuas. Perpindahan orang Iban dari sungai Kapuas seterusnya menuju ke sungai Sekayam dan sungai Sanggau. Manakala dari sungai Sanggau perpindahan terus berlaku ke Semitau dan menuju ke sungai Ketungau. Ini mengukuhkan andaian mengenai migrasi pertama orang Iban ke Sarawak, Malaysia, melalui sungai Kapuas di Kalimantan Barat, Indonesia (Padoch, 1982; dan Alloy *et al.*, 2008).

Petempatan orang Iban di Kalimantan Barat dipercayai bermula dengan kelompok rumpun Iban, yang awal dikenali sebagai masyarakat Panggau Banyau, yang dipercayai kelompok orang kayangan dan manusia. Petempatan terawal itu dipercayai bermula kira-kira 2,000 tahun dahulu di Temawai/Banua Tampun Juah, hulu sungai Sekayam di Kabupaten Sanggau, Kapuas, Kalimantan Barat, dengan jumlah 30 buah pintu, dianggarkan 900 ketua keluarga, dan 9,000 orang penghuni (Siyok & Yankris, 2014:130-131).

Kalaka, Saribas (Sri Aman) dikenalpasti sebagai petempatan awal orang Iban di Sarawak. Menurut S. Baring-Gould & C.A. Bampfyld (1909), pada tahun 1609, Valentyn merupakan orang Belanda pertama yang telah mendapati bahawa Calca (Kalaka), Saribas, dan Melanugo menyinghkan diri daripada Brunei, dan menempatkan diri di bawah

penguasaan Sultan Johor (Baring-Gould & Bampfylde, 1909:45).

Walaupun nama *Melanugo* amat sukar dikenalpasti, kerana mungkin kesilapan transkrip, tetapi ianya dijangkakan merujuk kepada daerah Melanau. Bagaimanapun, ini telah membuktikan bahawa sebelum tarikh tersebut, Kalaka, Saribas telah wujud sebagai sebuah petempatan awal orang Iban (Baring-Gould & Bampfylde, 1909).

Menurut Robert Pringle (1936) pula, berdasarkan gambaran daripada cerita lagenda *Orang Tau Tusut* (Pakar Susurgalur), migrasi orang Iban dipercayai bermula sejak enambelas generasi yang lepas, iaitu kira-kira pada pertengahan kurun ke-16. Petempatan awal Iban di Sarawak dipercayai bermula di sepanjang sistem sungai Saribas dan Batang Lupar di Bahagian Kedua, Sarawak, Malaysia (Pringle, 1936:52).

Migrasi fasa kedua bermula dari era pemerintahan dinasti Brooke di Sarawak. Fasa ini lebih mendapat liputan yang meluas, kerana lebih banyak bukti secara bertulis dapat dikumpul. Perbincangan migrasi pada fasa ini secara umum dapat dibahagikan kepada era Brooke (1841-1941), era Jepun (1942-1945), dan era British (1946-1963). Bagaimanapun, pola migrasi pada fasa kedua ini juga masih berasaskan sistem sungai, iaitu bermula dari sungai dalam Bahagian Kedua diteruskan ke petempatan lain, iaitu beberapa anak sungai di sepanjang sungai Rejang, di Bahagian Ketiga, dalam skala yang lebih besar dimulakan pada seawal tahun 1800-an lagi (Sellato, 2002; Walker, 2002; dan Umbar, 2015).

Pergerakan ke sungai Rajang berlaku melalui arah selatan anak sungai di Sarikei, Kanowit, dan Katibas. Seterusnya, kelompok ini bergerak dari sungai Katibas kelompok menuju ke hilir sungai Rajang untuk menetap di muara sungai Song, dan

kemudiannya ke sungai Poi (Sutlive Jr., 1992:13).

Sejak tahun 1830-an, telah ada orang Iban dari Lemanak, Skrang, dan Layar yang berpindah ke Entabai, Julau, dan sekitar hulu sungai Kanowit. Orang Iban yang pertama berpindah ke Sarikei diketuai oleh Nuga, yang membuka petempatannya di Sari, Sarikei. Pada pertengahan kurun ke-19, orang Iban di Bahagian Pertama dan Bahagian Kedua telah pun mempunyai kehidupan yang tersusun, malah ada yang telah menerokai lembah sungai Rajang (Sutlive Jr., 1992; dan Umbar, 2015).

Namun begitu, pengisytiharan pemerintahan dinasti Brooke, pada tahun 1841, telah menyemarakkan lagi migrasi orang Iban, iaitu dianggarkan beribu orang Iban telah berpindah ke kawasan tengah dan hulu sungai Rajang. Pada permulaan kurun ke-19 pula, sekelompok orang Iban telah menempatkan diri ke hulu sungai di Katibas dan Sarikei; dan kemudian pada tahun 1850, telah mencapai sekitar lembah sungai Rajang (Sutlive Jr., 1992:13-14).

Pemerintahan Brooke telah melahirkan corak demografi politik berasaskan *riverine system* atau sistem sungai. Menurut Robert Pringle (1936), corak konflik adalah di antara sistem sungai yang berlainan, bukannya antara kaum. Manakala kesetiaan politik adalah bersifat geografi, bukannya kebudayaan. Ini dapat diperlihatkan melalui konflik sungai, iaitu antara orang Iban bersama orang Melayu dari Banting melawan orang Iban bersama Melayu dari Saribas (Pringle, 1936:82-83).

Dinasti Brooke pula telah menggunakan kesempatan berkenaan dalam melancarkan operasi pertamanya pada tahun 1846, yang menggabungkan kaum pribumi dari sistem sungai yang berlainan untuk menentang seorang ketua perang dan pemimpin migrasi Iban yang terkenal,

bernama Mujah (juga dikenali dengan nama Buah Raya), yang dipercayai menetap di Entabai dalam lembah sungai Kanowit. Walaupun gagal menemui Mujah, tetapi mereka telah memusnahkan 18 pintu rumah panjang orang Iban (Pringle, 1936:112; dan Runciman, 1960).

Dinasti Brooke telah menggunakan strategi, iaitu melakukan penguasaan ke atas orang Iban di muara sungai terlebih dahulu; dan, pada masa yang sama, menyekat atau menyisihkan orang Iban yang menentang di hulu sungai. Melalui strategi tersebut, orang Iban kekal bermusuhan, bukan sahaja dengan dinasti Brooke tetapi juga dalam kalangan sesama orang Iban sendiri. Perkara ini berlaku pertama kalinya dalam konflik di sungai Skrang pada tahun 1853, yang melibatkan orang Iban di hilir sungai Skrang yang diketuai oleh Gassing, berkomplot dengan pihak dinasti Brooke, untuk menentang kelompok Rentap di hulu sungai Skrang. Gassing telah masuk ke wilayah Rentap; walaupun gagal menemui Rentap, tetapi telah memusnahkan 20 pintu rumah panjang (Pringle, 1936:122-123; Payne, 1986; dan Middleton, 2010).

Ternyata, pola migrasi pada fasa kedua itu banyak dicituskan oleh faktor penentangan ketua pemimpin perang Iban, yang tidak begitu menyukai pemerintahan dinasti Brooke, dan menyebabkan mereka berpindah ke kawasan pedalaman di hulu sungai (Pringle, 1936; Payne, 1986; Maxwell, 2001; dan Middleton, 2010).

Migrasi orang Iban ke Sabah berlaku pada tahun 1897, apabila dua orang pemimpin Iban, iaitu Penglima Radin dan Penglima Anji, terlibat dalam hal ehwal politik kerajaan NBCC (*North Borneo Chartered Company*), ekoran penentangan dari Mat Salleh (Kedit, 1993:109). Radin telah berjaya menumpaskan penentangan orang tempatan di sekitar Kota Kinabalu (Jesselton) dan sepanjang sungai

Kinabatangan dengan bantuan kelompok Iban Sarawak yang *bejalai* (mengembara) ke Sabah untuk mencari *tajau lama* (tembikar lama), di samping turut mengerjakan getah hutan dan rotan. Dengan kejayaan Radin tersebut, menyebabkannya dianugerahkan oleh NBCC dengan gelaran *Penglima* (Sandin, 1994:239).

Selain itu, pemimpin migrasi Iban yang berpengaruh, iaitu Nakoda Using, turut disertai oleh pengikutnya dari Batang Ai dan Batang Rajang, telah membuka kedai di Papar ketika dalam ekspedisi menentang Mat Salleh. Pemimpin migrasi Iban, iaitu Tinggi, juga telah dilantik sebagai Polis oleh NBCC, selain turut berjaya menjalankan perniagaan dengan orang Dusun di Sandakan. Seorang lagi pemimpin migrasi Iban, iaitu Nakoda Kassim dari Awik, Krian, juga turut bermigrasi ke Sandakan, kemudiannya menjadi Ketua di Labak dan Sugat, Sabah (Kedit, 1993).

Oleh kerana Nakoda Kassim seorang yang berpendidikan, kerajaan Sabah ketika itu telah melantiknya menjadi Majistret dan Penolong Pegawai Daerah. Nakoda Kassim telah bekerja untuk jangka masa yang lama di Ranau, seterusnya diangkat menjadi pemimpin orang Dusun, selepas berkahwin dengan anak ketua kaum tersebut (Kedit, 1993:109-110).

Sebelum berlaku migrasi ke Brunei, sekelompok orang Iban telah melakukan migrasi ke arah timur merentasi Sarawak, iaitu ke sungai Baram di antara tahun 1900 dan 1941. Mereka telah membuat petempatan di kawasan lembah Baram dan sepanjang anak sungai yang besar, seperti Bakong dan Tinjar. Migrasi tersebut didorong oleh dua faktor, iaitu: pertamanya, keinginan untuk memperolehi tanah yang baharu; dan keduanya, atas galakan Charles Brooke di awal era pemerintahan dinasti Brooke. Orang Iban telah dijadikan sebagai penampan terhadap kesultanan Brunei, dengan

mengekalkan penduduk daerah Baram dalam jumlah yang terkawal (Sercombe, 1999:597).

Antaranya petempatan awal iaitu rumah panjang Ridan, yang terletak di sungai Ridan, telah ditubuhkan pada tahun 1942 oleh imigran Iban dari Kapit, Sibu, dan Lubok Antu, yang memiliki 44 *bilek* (pintu keluarga) dengan populasi melebihi 300 orang. Pada tahun 1988, orang Iban menduduki 64 peratus daripada kira-kira 15,000 orang populasi di kawasan politik Marudi, termasuk rumah panjang Ridan (Sercombe, 1999).

Pada kurun ke-20, pembukaan industri gas dan petroleum telah mendorong orang Iban untuk melakukan migrasi ke Brunei. Ini menyebabkan orang Iban yang *bejalai* telah menerokai petempatan baharu di Brunei dan mendirikan rumah panjang di sepanjang sungai, seperti Belait, Temburong, dan Tutong (Sellato, 2002). Antara petempatan awal tersebut ialah Rumah Teraja, yang ditubuhkan pada tahun 1948. Namun pada tahun 1986, rumah panjang itu hanya mempunyai 6 *bilek* dengan populasinya hanya 57 orang sahaja (Sercombe, 1999).

Proses adaptasi sosio-budaya telah berlaku dan menyebabkan mereka turut mengurangkan aktiviti tradisi rumah panjang, malah telah mengamalkan gaya hidup seperti orang Brunei. Kesimpulannya, ramai orang Iban Brunei tidak lagi kekal dilihat sebagai kelompok *Ibanic*, tetapi lebih jelas ingin menampilkan unsur ke-Brunei-an (Sercombe, 1999:605-609).

Manakala semasa pendudukan Jepun (1942-1945), tidak banyak perbincangan mengenai migrasi orang Iban yang dicatatkan. Ini diakibatkan daripada keadaan ekonomi yang huru-hara dan faktor keselamatan yang tidak menggalakan migrasi. Selepas pendudukan Jepun, terutamanya sekitar tahun 1940-an hingga 1950-an, corak migrasi orang Iban dicituskan melalui penyertaan aktif pejuang Iban

dalam bidang ketenteraan dengan menganggotai Sarawak *Rangers*. Implikasinya, ramai pejuang Iban *bejalai* hingga ke Malaya, kerana bertugas dengan kerajaan British sebagai tentera untuk melawan Komunis pada ketika itu (Kedit, 1993:120).

Pada fasa ketiga, iaitu migrasi era pasca kemerdekaan tahun 1963, merupakan lanjutan daripada migrasi yang telah dimulakan sebelum kemerdekaan, seperti migrasi sekelompok orang Iban dari Sarawak ke Sabah, seperti Tawau, Sipitang, Kunak, Lahad Datu, dan Sandakan. Migrasi ke Tawau diteruskan dengan jumlahnya yang semakin bertambah sejak tahun 1960-an, iaitu era pasca kemerdekaan (Andaya & Andaya, 1982; Tirtosudarmo & Haba eds., 2005; dan Ishikawa, 2010).

Menurut Ryoji Soda & Logie Seman (2011), corak migrasi ke Tawau, Sabah berbeza daripada migrasi sebelum ini, apabila petempatan orang Iban di sana terbentuk oleh gabungan individu atau kelompok kecil Iban yang mula menetap bersama (Soda & L. Seman, 2011:132-136). Manakala V. Sutlive & J. Sutlive eds. (2001) pula menganggarkan bahawa di Tawau sahaja terdapat beribu orang Iban; dan jumlah ini belum lagi ditambah dengan populasi Iban dari daerah lain di Sabah (Sutlive & Sutlive eds., 2001).

Pada tahun 2004, di Kampung Iban Merotai Besar sahaja dianggarkan 70 peratus daripada 925 orang, yang terdiri daripada 130 keluarga, merupakan orang Iban. Manakala di Kampung Iban Ulu Merotai, yang berjumlah 491 orang daripada 113 keluarga, kebanyakannya adalah orang Iban. Rumah Lulut juga merupakan rumah panjang orang Iban di Sabah, yang mempunyai 20 buah *bilek* (keluarga). Populasi orang Iban di Kampung Iban Kuala Nansang dianggarkan berjumlah 358 orang (Soda & Seman, 2011).

Selain itu, terdapat juga orang Iban yang menetap bersama kaum lain, seperti di Kampung Serudun Baru, iaitu dianggarkan 15 peratus daripada populasinya merupakan orang Iban. Pada fasa ketiga migrasi ini, telah berlaku perubahan corak dalam amalan *bejalai*, yang didorong oleh dasar pemerintahan kerajaan Negeri Sabah dalam sekitar tahun 1960-an hingga 1980-an, yang memberi layanan baik kepada kelompok pendatang, terutamanya dari Sarawak (Adil, 1981a dan 1981b; Leng, 1982; dan Yusof, 1997).

Faktor pendorong lain iaitu pemberian geran tanah antara 15 hingga 30 ekar oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, selain pemberian oleh Datuk Harris Salleh kepada lebih daripada 30 keluarga orang Iban. Malah, ada yang mendapat tanah seluas 14 ekar setiap keluarga daripada LKTNS, iaitu: Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah atau *Sabah Land Development Board* (Soda & Seman, 2011:142-144).

Keadaan ini jelas mewujudkan satu perbezaan yang signifikan di antara orang Iban di Sarawak dengan orang Iban di Sabah dari segi corak kehidupan dan kegiatan ekonomi mereka. Secara tradisinya di Sarawak, budaya menanam padi tidak dapat dipisahkan dengan kehidupan orang Iban; tetapi di Sabah, amalan ini tidak lagi relevan. Orang Iban di Sabah telah mengamalkan pertanian bercorak komersial, seperti penanaman kelapa sawit dan koko pada ketika itu (Sellato, 2002; Baharuddin, 2007; dan Kennedy, 2007).

Migrasi pada fasa keempat merupakan migrasi zaman moden, yang berlaku selepas tahun 1983, dan melibatkan skop migrasi yang lebih meluas, termasuklah migrasi dalam negara hingga ke peringkat antarabangsa. Mengikut Jeniri Amir (2013), dianggarkan sekitar 40,000 orang Iban, sama ada bekerja atau menetap di Johor, Malaysia, sahaja

(Amir, 2013:230). Populasi tersebut belum lagi termasuk jumlah populasi orang Iban di negeri lain, seperti Selangor, Melaka, dan Negeri Sembilan, yang sering menjadi negeri tumpuan migrasi orang Iban di semenanjung Malaysia (Coomans, 1987; Amir, 2013; dan Tugang, 2014).

Secara umumnya, terdapat juga yang *bejalai* ke luar negara, seperti Papua New Guinea, Arab Saudi, Dubai, Brazil, Rusia, Kepulauan Solomon, Kemboja, dan lain-lain negara, sama ada sebagai pelaut, pembalok, mahupun pekerja carigali minyak. Malah ada yang telah menjalani perkahwinan campur dan menjadi orang Iban peranakan, selain telah memeluk agama lain (Coomans, 1987; King, 1993; dan Tugang, 2014).

Jumlah sebenar orang Iban yang telah menetap di luar Sarawak, Malaysia agak sukar ditentukan, kerana tidak ada rekod rasmi yang dapat dijadikan sebagai asas pengiraan. Namun, yang pastinya, populasi orang Iban telah berselerak di seluruh dunia (Padoch, 1982; Freeman, 1992; Kedit, 1993; Florus eds., 1994; Handoko, 2011; dan Sadan, 2015).

Suatu yang amat menarik untuk diteliti pada fasa migrasi zaman moden ini adalah suatu corak baharu migrasi yang melibatkan migrasi dalaman di Sarawak, yang dinamakan sebagai “dwi migrasi”, iaitu: *rural-urban* atau pedalaman-bandar; dan *urban-rural* atau bandar-pedalaman. Migrasi *rural-urban* merupakan corak migrasi yang sering berlaku di kebanyakan negara membangun, yang melibatkan perpindahan dari pedalaman ke bandar. Migrasi ini didorong oleh keinginan untuk mencari kehidupan yang lebih selesa di bandar, yang menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dan kemudahan infrastruktur (Morrison, 1996; dan Soda, 2003).

Mengikut Ryoji Soda (2003), migrasi *rural-urban* merupakan satu

lagi pola migrasi zaman moden, yang dilakukan oleh orang Iban untuk mengadaptasikan diri dengan perubahan semasa, kesan daripada sistem politik pembangunan yang bais. Sejak tahun 1980, migrasi orang Iban dari luar bandar ke bandar telah melonjak dengan mendadak, iaitu daripada hanya 4.8 peratus pada tahun 1980 kepada 18 peratus dalam tahun 1991 (Soda, 2003:462).

Penghijrahan ke bandar berlaku kerana keperitan hidup di rumah panjang, yang masih kurang kemudahan asas dan masalah sumber ekonomi yang tidak tetap. Ada pula migrasi yang berlaku kerana mengikut pekerjaan, sama ada kerja dalam sektor awam atau buruh kasar di bandar. Lantaran itu, tidak dapat dinafikan bahawa ramai yang telah memiliki rumah sendiri dan dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan di bandar. Sebaliknya, terdapat golongan yang kurang berkemampuan akan hidup menyewa atau mendirikan rumah di kawasan setinggan (Morrison, 1996; dan Soda, 2003).

Ryoji Soda (2003), lagi menyatakan bahawa bukan semua migrasi *rural-urban* ini berjaya. Menyedari hal itu, sebahagian orang Iban di bandar sentiasa berusaha mengekalkan hubungan dengan petempatan mereka di rumah panjang. Lantas, golongan yang tidak berjaya, seperti pesara kaki-tangan awam yang tidak dapat menjalani persaingan hidup di bandar, akan kembali ke rumah panjang mereka di luar bandar. Ini menyebabkan berlaku pola migrasi yang sukar untuk ditentukan sifatnya, memandangkan kelompok orang Iban ini yang turut mendiami kedua-dua kawasan petempatan tersebut (Soda, 2003:463).

Orang Iban yang mengamalkan kedua-dua bentuk migrasi, iaitu *rural-urban* dan *urban-rural*, jarang mendapat liputan pengkaji sebelum ini dan tidak ada istilah khas diberikan

terhadapnya. Oleh itu, pada kami, “dwi migrasi” seperti ini boleh disebut sebagai *mindah kin-kitu*, atau migrasi ulang-alik, dalam bahasa Iban. Kesannya wujud pula tiga kelompok orang Iban dalam kajian ini, iaitu: *Iban Pasar* atau Iban Bandar; *Iban Rumah Panjai* atau Iban Luar Bandar; dan satu lagi dikenali sebagai *Iban Kin-Kitu* atau Iban Ulang-Alik. Ini menjadikan kajian yang amat menarik, kerana melihat kepada kewujudan satu bentuk migrasi baharu, yang kami kenali sebagai *mindah kin-kitu* atau migrasi ulang-alik, yang jarang dibincangkan oleh kebanyakan pengkaji sejarah politik orang Iban sebelum ini (*cf* Padoch, 1982; Morrison, 1996; Soda, 2003; dan Handoko, 2011).

Ketiga-tiga kelompok itu, walaupun masih berkongsi bahasa dan budaya yang sama, tetapi corak pemikiran sosio-politik mereka adalah berbeza. Kelompok *Iban Pasar* lebih berfikiran terbuka dan mempunyai kematangan berpolitik, akibat daripada pendidikan yang lebih baik, pergaulan yang meluas, dan pendedahan terhadap media baharu. *Iban Rumah Panjai* pula masih lagi dibelenggu oleh ruang lingkup politik yang sempit, akibat daripada kekurangan pendidikan, teknologi, dan infrastruktur. Manakala *Iban Kin-Kitu* merupakan kategori Iban atas pagar yang telah mula menyesuaikan diri, sama ada dengan sosio-politik di bandar mahupun luar bandar, yang menyebabkan tindakan mereka dalam politik juga agak rumit untuk diramalkan (Padoch, 1982; Handoko, 2011; dan Sadan, 2015).

Ketiga-tiga kategori Iban tersebut lazimnya mempunyai corak pemikiran politik yang berbeza dan seringkali bercanggah dalam mencapai penyatuan dalam politik. *Iban Pasar*, contohnya, mungkin tidak keterlaluan jika dilabelkan sebagai kelompok optimis yang kebanyakannya mudah melakukan perubahan dalam politik, bergantung

kepada isu semasa. *Iban Rumah Panjai* pula merupakan kelompok ortodoks yang kebanyakannya sukar menerima perubahan luar, sebaliknya patuh kepada fahaman politik kerajaan. Manakala *Iban Kin-Kitu* merupakan kelompok oportunist, yang kebanyakannya berada atas pagar dalam tindakan politik, iaitu keputusan politik mereka sukar dijangkakan, bergantung kepada isu, peluang, dan ruang (Padoch, 1982; Motomitsu, 1984; dan Soda, 2003).

Pengaruh Demografi terhadap Sosio-Politik. Mengikut Jayum A. Jawan (2014), semangat persaingan yang hebat dalam kalangan orang Iban telah wujud melalui budaya lampau, seperti perlumbaan mendapat kepala musuh dalam amalan *ngayau*, semangat merintis petempatan baharu, dan mencari harta kemewahan seperti hasil tuaian padi. Secara tradisinya, mereka telah berusaha untuk mengejar kejayaan dan kemewahan secara bersendirian, sekaligus telah melahirkan sikap individualime (Jawan, 2014:34).

Berpunca daripada budaya *bejalai* (mengembara) dan *ngayau* (memburu kepala), pemimpin Iban tidak pernah berusaha untuk mengekalkan kedudukan dan legasi yang pernah mereka capai, kerana sentiasa ingin terus mencari petempatan dan wilayah yang baharu (Soda & Seman, 2011; dan Tugang, 2014). Sebaliknya, pemimpin lain, seperti Melayu, akan terus berusaha untuk mengekalkan penguasaannya dengan meletakkan dirinya sebagai pemerintah di setiap sungai, bagi memastikan konsep ketuanan terus signifikan (Pringle, 1936:80).

Penjajahan dinasti Brooke yang panjang, melalui polisi *divide and rule* atau “pecah dan perintah”, bukan hanya memisahkan sesama orang Iban, tetapi juga dengan bangsa lain (Seidelson, 2013:113-114). Situasi ini menyebabkan struktur politik

orang Iban terus longgar, malah terbawa-bawa hingga ke zaman selepas kemerdekaan. Secara sedar atau tidak, ianya telah mewujudkan dasar pemisah dalam politik orang Iban, misalnya PESAKA (Parti Pesaka Anak Sarawak) dilabelkan sebagai “Parti Sungai Rejang”, kerana mendapat sokongan hebat dari orang Iban dari Sungai Rejang; manakala SNAP (*Sarawak National Party* atau Parti Kebangsaan Sarawak) dilabelkan sebagai “Parti untuk Orang Iban dari Sungai Saribas” (Achie, 2006; Amir, 2013; dan Ismail & Arifin, 2015).

Malah pemimpin tradisional Iban telah mendapat pelabelan tertentu, misalnya Stephen Kalong Ningkan,⁶ dikenali sebagai “pemimpin orang Iban dari Sungai Saribas”; Jugah Anak Barieng,⁷ dilabelkan sebagai “pemimpin orang Iban dari Sungai Rejang”; dan Tawi Anak Sli⁸ pula, dikenali sebagai “pemimpin orang Iban dari Sungai Lingga” (Jawan & King, 2004).

Demografi berasaskan sistem sungai telah membentuk pola pembahagian orang Iban mengikut sungai petempatan mereka, seperti orang Iban Skrang, orang Iban Undup, orang Iban Krian, orang Iban Batang Rajang, atau orang Iban Katibas (Leng, 1982; Freeman, 1992; dan Sutlive & Sutlive eds., 2001). Bagi orang Iban,

⁶Stephen Kalong Ningkan (Tan Sri Datuk Amar) berasal dari Skrang/Saribas (Bahagian Kedua, sekarang dikenali sebagai Sri Aman). Beliau bersama bekas rakan sekerja Shell di Brunei telah menubuhkan SNAP (*Sarawak National Party* atau Parti Kebangsaan Sarawak) pada tahun 1961. Beliau telah menjadi Ketua Menteri Sarawak yang pertama, dari tahun 1963-1966.

⁷Jugah Anak Barieng (Tun Temenggong) berasal dari Batang Rejang (Bahagian Ketiga sebelum menjadi Bahagian Ketujuh, sekarang dikenali sebagai Kapit). Beliau merupakan pemimpin tradisional yang telah menubuhkan PESAKA (Parti Pesaka Anak Sarawak) pada tahun 1962. Beliau telah dilantik sebagai Menteri Persekutuan, iaitu Menteri Hal Ehwal Sarawak.

⁸Tawi Anak Sli (Datuk Penghulu) berasal dari Lingga (Bahagian Kedua, sekarang dikenali sebagai Sri Aman). Beliau telah dipilih menjadi Ketua Menteri ke-2 Sarawak, dari tahun 1966-1970, selepas penyingkiran Stephen Kalong Ningkan (Tan Sri Datuk Amar).

konsep *kaban* (saudara) lebih utama jika dibandingkan dengan konsep “bangsa” itu sendiri. Walaupun wujud perhubungan di antara sebuah rumah panjang dengan rumah panjang yang lain, yang dikenali sebagai *sapengabang*⁹ pada musim perayaan, seperti *Gawai Dayak*, *Gawai Lelabi*, *Gawai Burong*, dan lain-lain, tetapi cuma meliputi rumah panjang yang berdekatan sahaja (Sandin, 1980; dan Tugang, 2014).

Sebaliknya, perhubungan antara rumah panjang yang berjauhan amat sukar berlaku. Malah hubungan rumah panjang yang *sapengabang* itu bukan kerana dicituskan oleh faktor geografi yang dekat, tetapi lebih didorong oleh faktor pertalian *kaban belayan* atau saudara mara. Malah dalam banyak perkara, termasuk konflik dan peperangan, orang Iban lebih mengutamakan *kaban belayan* mengatasi konsep “bangsa” secara keseluruhannya (Sandin, 1980; dan Sadan, 2015).

Situasi tersebut turut memberikan gambaran perlakuan politik orang Iban dalam ruang lingkup yang sempit, iaitu cuma berkisar dalam lingkungan rumah panjang sendiri dan *kaban belayan* sahaja. Penyatuan dengan rumah panjang yang terletak jauh dan tidak ada pertalian keluarga amat jarang berlaku, walaupun orang Iban berkongsi bahasa, budaya, dan tradisi yang sama.¹⁰ Ini menyebabkan, secara beransur-ansur, berlaku perubahan pada pola sosio-budaya mengikut demografi petempatan, sekaligus tidak menggalakkan berlaku kesinambungan budaya dan amalan antara petempatan baharu dengan petempatan lama yang telah ditinggalkan (Sandin, 1980; Tugang, 2014; dan Sadan, 2015).

Faktor-faktor itu juga didorong

oleh ketiadaan entiti politik yang dapat menyatupadukan bangsa Iban, sepertimana Institut Dayakologi yang ada di Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia, yang ternyata berjaya menyatupadukan Dayak di Kalimantan dari semua aspek, merangkumi sosial, ekonomi, dan politik.¹¹

Apa yang jelas, semakin jauh jarak petempatan antara setiap rumah panjang, maka semakin terpisah amalan sosio-budaya dan sosio-politik dalam kalangan orang Iban. Persaingan yang bersifat individualisme telah mengatasi kepentingan bersama dan telah pun sekian lama muncul dalam budaya sosio-politik orang Iban. Tingkah-laku politik tradisional berasaskan teritorial terus diwarisi secara turun-temurun, terutamanya dalam asas penubuhan parti politik dan pemilihan pemimpin (Amir, 2013; dan Sadan, 2015).

Kemunculan pemimpin generasi baharu, selepas era 1983, juga ternyata masih mengekalkan corak tingkah-laku politik yang berasaskan faktor demografi (Amir, 2013; dan Zainal, Gill & Talib, 2013). Misalnya, Alfred Jabu dan Douglas Unggah dilabelkan sebagai pemimpin untuk orang Iban Betong; Daniel Tajem adalah pemimpin untuk orang Iban Sri Aman; James Masing dan Alexander Nanta Linggi adalah pemimpin untuk orang Iban Kapit; William Mawan dan Thomas Salang pula adalah pemimpin untuk orang Iban Sarikei (Achie, 2006; dan Amir, 2013).

Malah perjuangan parti politik yang ditubuhkan juga sukar untuk mengikis imej kedaerahan, misalnya: PRS (Parti Rakyat Sarawak), pimpinan James Masing, didominasi oleh orang Batang Rajang; Parti TERAS (Tenaga Rakyat Sarawak), pimpinan William Mawan, didominasi orang Iban Bahagian Sarikei; manakala Parti PBB

⁹*Sapengabang* bermaksud rakan taulan, yang saling kunjung-mengunjungi semasa pesta atau keramaian.

¹⁰Temubual dengan Tatum Ak Sutong, 50 tahun, Ahli Parti PBB (Pesaka Bumiputera Bersatu), di Julau, Sarawak, Malaysia, pada tarikh 16hb Mac 2016.

¹¹Temubual dengan John Bamba, 48 tahun, Pengarah Institut Dayakologi, di Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia, pada tarikh 18hb Mac 2015.

(Pesaka Bumiputera Bersatu), terus kekal didominasi secara *status quo* oleh kumpulan elite Iban (Achie, 2006; dan Amir, 2013).

Secara keseluruhannya, amat kurang berlakunya integrasi politik dalam kalangan orang Iban. Pemimpin politik orang Iban jarang melangkaui sempadan teritorialnya untuk mewujudkan integrasi sosio-politik dengan orang Iban dari petempatan lain. Ini jelas menunjukkan belum ada pemimpin Iban yang dapat memainkan peranan sebagai pemimpin universal, yang dapat merentasi keseluruhan sempadan wilayah orang Iban. Kenyataan berikut ini merupakan hakikat sosio-politik orang Iban:

[...] *peda baka Jabu (bekas Timbalan Ketua Menteri), iya enda peduli enggau orang Sebuyau, iya enda kala ngabas kami, nyadi pedis kami ka bekelala enggau iya.*¹²

Terjemahan:

[...] tengok Jabu (bekas Timbalan Ketua Menteri), dia tidak peduli dengan orang Sebuyau, dia tidak pernah melawat kami, maka sukar bagi kami nak berkenalan dengannya.

Konsep pemisah tersebut terus turut didokong oleh polisi kerajaan dan parti politik, yang menggunakan strategi meletakkan wakil rakyat tempatan untuk bertanding di daerah mereka sendiri sahaja. Malah, penerimaan pengundi orang Iban di peringkat akar umbi juga masih jelas memberikan sokongan yang bersifat kedaerahan. Pemimpin politik Iban, iaitu James Masing, membidas sikap kedaerahan yang hanya menerima pemimpin Iban dari Baleh sahaja untuk bertanding di DUN (Dewan Undangan Negeri) Baleh. Mentaliti tersebut menghadkan pemimpin Iban atau Dayak yang bagus dan berkaliber untuk bertanding di

tempat lain (*Borneo Post*, 15/2/2016).

Semangat kedaerahan yang masih menebal tersebut amat merugikan, kerana pemimpin Iban yang berkebolehan tidak bebas bertanding bagi membantu membangunkan daerah lain, sekaligus bagi mengalakan penyatuan bangsa dan politik itu berlaku (Motomitsu, 1984; Yusof, 1997; Jawan & King, 2004; dan Amir, 2013).

KESIMPULAN

Perubahan sosio-budaya akibat daripada faktor demografi petempatan ternyata telah mempengaruhi tingkah-laku dan corak pemikiran sosio-politik orang Iban. Secara tradisinya, pemimpin Iban dipisahkan berasaskan faktor demografi, yang menyebabkan penyatuan politik antara setiap petempatan sukar dicapai. Corak sosio-politik yang rapuh dan terpisah berasaskan petempatan ini terus diwarisi hingga ke era pasca kemerdekaan, apabila ramai pemimpin tradisional dari setiap petempatan yang berbeza telah diangkat sebagai pemimpin politik. Ini menyebabkan pemimpin tradisional tersebut telah membentuk partinya sendiri bagi mendapatkan sokongan daripada daerah masing-masing.

Walaupun budaya *bejalai* (mengembara) dan *ngayau* (memburu kepala) telah berjaya mengembangkan populasi orang Iban merentasi sempadan petempatan lama ke seluruh kepulauan Borneo dan negara lain, tetapi ianya tidak disertai dengan penyebaran budaya sosio-politik. Malah, ianya terus menjarakkan dan memisahkan orang Iban, sehingga kurang berlaku kesinambungan aspek sosio-budaya dan sosio-politik di antara petempatan baharu dengan petempatan lama yang telah ditinggalkan.

Sehingga era 2000-an, corak politik demografi seperti ini ternyata masih membelenggu sosio-politik orang Iban, dan menyebabkan belum muncul

¹²Temubual dengan Jimmy Adit, 60 tahun, *Blogger* dan *Jurnalis*, di Kpg Sorak Dayak, Serian, Sarawak, Malaysia, pada tarikh 15hb Mac 2016.

pemimpin politik yang dapat merentasi sempadannya untuk diangkat sebagai pemimpin besar dalam menyatupadukan politik orang Iban.¹³

Referensi

- Achie, Nordi. (2006). "Pemerintahan Barisan Nasional di Sarawak, 1963-2006: Satu Analisis" dalam *Malaysia dari Segi Sejarah*. Tersedia secara online juga di: http://www.myjurnal.my/filebank/published/article/22943/088_096.PDF [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 28hb Oktober 2017].
- Adil, Haji Buyong. (1981a). *Sejarah Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adil, Haji Buyong. (1981b). *Sejarah Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, Qasim. (1998). "Sains Sosial: Meneliti Kejituan Pendekatannya dan Cabaran yang Dihadapi" dalam *Jurnal KINABALU*, Bil. VI, ms.30-57. Tersedia secara online juga di: <http://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ejk/article/viewFile/380/288> [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 28hb Oktober 2017].
- Ali, Ismail. (2013). "Perburuan Hamba, Perlanunan, dan Kempen Penghapusan Lanun di Sarawak: Perspektif Sejarah Maritim" dalam *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, No.1, Vol.1 [Maret]. Tersedia secara online juga di: [file:///C:/Users/acer/Downloads/59-115-1-SM%20\(1\).pdf](file:///C:/Users/acer/Downloads/59-115-1-SM%20(1).pdf) [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 28hb Oktober 2017].
- Alloy, Sujarni et al. (2008). *Mozaik Dayak: Keberagaman Sub-Suku dan Bahasa Dayak di Kalimantan Barat*. Pontianak: Institut Dayakologi, disunting oleh John Bamba.
- Amir, Jeniri. (2013). *Politik Sarawak: Perspektif Penganalisis*. Kota Samarahan: Penerbit UMS [Universiti Malaysia Sabah].
- Andaya, Barbara Watson & Leonard Andaya. (1982). *A History of Malaysia*. London: Macmillan Press Ltd.
- Baharuddin, Shamsul Amri. (1992). "Metodologi Penyelidikan Sains Sosial: Suatu Pertimbangan Kritis" dalam *Jurnal Satiawancana*, Disember. Bangi: Jabatan Antropologi & Sosiologi UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Baharuddin, Shamsul Amri. (2007). *Modul Hubungan Etnik*. Shah Alam: Penerbit UiTM [Universiti Teknologi MARA].
- Bamba, John. (2001). "Menggalang Solidaritas, Mempertegas Identitas Masyarakat Adat Dayak Kalimantan, dan Resiliensi Ekologis" dalam *Pelajaran dari Masyarakat Dayak: Gerakan Sosial dan Resiliensi Ekologis di Kalimantan Barat*. Pontianak, Indonesia: Institut Dayakologi.
- Baring-Gould, S. & C.A. Bampfylde. (1909). *A History of Sarawak under its Two White Rajahs, 1839-1908*. Singapore: Oxford University Press, reprinted in 1989.
- Bock, C. (1882). *The Head Hunters of Borneo: A Narrative of Travel Up the Mahakkam and Down the Barito, also Journeys in Sumatra*. London: Sampson Low, Marston, Searle & Rivington.
- Borneo Post* [akhbar]. Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 15 Februari 2016.
- Coomans, Mikhail. (1987). *Manusia Dayak: Dulu, Sekarang, Masa Depan*. Jakarta: PT Gramedia.
- Florus, Paulus [eds]. (1994). *Kebudayaan Dayak: Aktualisasi dan Transformasi*. Pontianak: Institut Dayakologi.
- Freeman, J.D. (1970). *Report on the Iban*. London: The Athlone Press.
- Freeman, J.D. (1992). *The Iban of Borneo: Monographs on Social Anthropology*. Malaysia: S. Abdul Majeed & Co.
- Haddon, Alfred C. & Laura E. Start. (2011). *Iban or Sea Dayak Fabrics and their Patterns: A Descriptive Catalogue of the Iban Fabrics in the Museum of Archaeology and Ethnology Cambridge*. UK [United Kingdom]: Cambridge University Press, re-issue edition.
- Handoko, A. (2011). "Dayak Iban: Tak Segan Berubah" dalam *KOMPAS.COM*. Jakarta: 8 Oktober. Tersedia secara online juga di: <https://regional.kompas.com/read/2011/10/08/05274747/Dayak.Iban.Tak.Segan.Berubah> [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 28hb Oktober 2017].
- Howell, William. (1992). "The Sea Dayak Religion" in *Borneo Literature Bureau* [ed]. *The Sea Dayak and Others Races of Sarawak: Distributions to the Sarawak Gazette between 1888 and 1930*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim, Muhd Yusuf. (1997). *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian, dan Kaedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishikawa, Noboru. (2010). *Between Frontiers: Nation and Identity in a Southeast Asian Borderland*. Singapura: NUS [National University of Singapore] Press.
- Ismail, Abdul Rahman Haji & Azmi Arifin. (2015). *Sejarah Malaysia: Wacana Kedaulatan Bangsa, Kenegaraan, dan Kemerdekaan*. Pulau Pinang: Penerbit USM [Universiti Sains Malaysia].

- Jawan, Jayum A. (2014). "Draw from the Past for a Better Future" in *Ngingit*, Issue 5, June.
- Jawan, Jayum A. & Victor T. King. (2004). *Ethnicity & Electoral Politics in Sarawak*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Jensen, Erik. (1974). *The Iban and Their Religion*. Oxford: The Clarendon Press.
- JKN [Jabatan Kesihatan Negeri] Sarawak. (2014). *Laporan Tahunan 2014*. Kuching: Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak. Tersedia secara online di: [file:///C:/Users/acer/Downloads/laporan_tahunan_jabatan_2014_\(final_draft\).pdf](file:///C:/Users/acer/Downloads/laporan_tahunan_jabatan_2014_(final_draft).pdf) [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 28hb Oktober 2017].
- JP [Jabatan Perangkaan] Malaysia. (2010). *Jabatan Perangkaan Malaysia Tahun 2010*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- JP [Jabatan Perangkaan] Malaysia. (2014). *Jabatan Perangkaan Malaysia Tahun 2014*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kedit, Peter M. (1993). *Iban Bejalai*. Malaysia: Ampang Press Sdn Bhd.
- Kennedy, Juliza Anak. (2007). "Khazanah Warisan Masyarakat Etnik Iban di Sarawak: Satu Kajian Dokumrntasi Harta Intelek". *Projek Sarjana Muda Tidak Diterbitkan*. Kuching: Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif UNIMAS [Universiti Malaysia Sarawak]. Tersedia secara online juga di: <https://ir.unimas.my/18844/1/Khazanah> [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 28hb Oktober 2017].
- King, Victor T. (1993). *The Peoples of Borneo*. Oxford: Blackwell.
- Leng, Lee Yong. (1982). *Sabah: Satu Kajian Geografi Tempatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masing, James Jemut. (1997). *The Coming of the Gods: An Iban Invocatory Chant (Timang Gawai Amat) of the Baleh River Region Sarawak*, Volume 1. Australia: The ANU [Australian Nation University] Press.
- Maunati, Yekti. (2004). *Identitas Dayak: Komodifikasi dan Politik Kebudayaan*. Yogyakarta: Penerbit LKiS.
- Maxwell, Allen R. (1989). "A Survey of the Oral Traditions of Sarawak" in *Sarawak Museum Journal*, Vol.XL, No.61.
- Maxwell, Allen R. (2001). "Sea Dayak' and 'Iban': The History of Two Ethnonyms" in *Sarawak Museum Journal*, Vol.LVI, No.77 [New Series, December], pp.213-227.
- Middleton, Alex. (2010). "Rajah Brooke and the Victorians" in *The Historical Journal*, Volume 53(2), June, pp.381-400.
- Morrison, P.S. (1996). "Urbanisation and Rural Depopulation in Sarawak" in *Borneo Research Bulletin*, Volume 27, pp.127-37.
- Motomitsu, U. (1984). "Transformation of Iban Social Consciousness" in *Senri Ethnological Studies*, Volume 13, pp.211-234.
- Padoch, C. (1982). "Migration and its Alternatives among the Iban of Sarawak" in *Verhandeligen KITLV*, 98. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Payne, Robert. (1986). *The White Rajah of Sarawak*. Singapore: Oxford University Press.
- Pringle, Robert. (1936). *Rajah and Rebel: The Ibans of Sarawak under Brooke Rule, 1841-1941*. Selangor: Nightingale Printing Sdn Bhd, reprinted in 2007.
- Runciman, Steven. (1960). *The White Rajahs: A History of Sarawak from 1841 to 1946*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Sadan, Werenvidus. (2015). "Dayak Iban dan Kebudayaannya: Sebuah Tinjauan Antropologis-Filosofis". Tersedia secara online di: <http://mualangmenawai.blogspot.co.id/2015/10/dayak-iban-dan-kebudayaannya-sebuah.html> [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 28hb Oktober 2017].
- Sandin, Benedict. (1967a). *Peturun Iban*. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- Sandin, Benedict. (1967b). *The Sea Dayak of Borneo: Before White Rajah Rule*. London: MacMillan.
- Sandin, Benedict. (1980). *Iban Adat & Augury*. Pulau Pinang: Penerbit USM [Universiti Sains Malaysia].
- Sandin, Benedict. (1994). "Sources of Iban Tradisional History: Special Monograph No.7" in *Sarawak Museum Journal*, Vol.XLVI, No.67 [New Series, December], pp.1-333.
- Sather, C. (1994). "Introduction" to Benedict Sandin. "Sources of Iban Traditional History: Special Monograph No.7" in *Sarawak Museum Journal*, Vol.XLVI, No.67, pp.1-78.
- Seidelson, Lucy Sebli. (2013). "Factionalism in Iban Politics" in Faisal S. Hazis & Stanley Bye Kadam-Kiai [eds]. *Politics and Local Government in Sarawak*. Kota Samarahan: Penerbit UNIMAS [Universiti Malaysia Sarawak], pp.109-168.
- Sellato, Bernard. (2002). *Innermost Borneo: Studies in Dayak Cultures*. Paris: Seven Orients and Singapore University Press.
- Sercombe, Peter G. (1999). "Adjacent Cross-Border Iban Communities: A Comparison with Reference to Language" in *BKI: Bijdragen tot de Taal-, Land-en Volkenkunde*, Vol.155, No.4, pp.596-616.
- Siyok, Damianus & Yankris. (2014). *Discovery Manusia Dayak: Dari Peradaban Leluhur menuju Pertemuan Tumbung Anoi 1894 dan Kisah Manusia Dayak Masa Kini*. Palangka Raya: Sinar Bagawan Khatulistiwa.
- Sjamsuddin, Helius. (2007). *Metodologi Sejarah*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Soda, Ryoji. (2003). "Development Policy and Human Mobility in a Developing Country: Voting Strategy of the Iban in Sarawak, Malaysia" in *Southeast Asian Studies*, Vol.40,

- No.4, pp.459-483.
- Soda, Ryoji & Logie Seman. (2011). "Life Histories of Migrants: *Bejalai* Experiences of the Iban in Sabah, Malaysia" in *Geographical Studies*. No.86, pp.132-151.
- Soemadio, Rana Wijaya. (2010). *Budaya Masyarakat Dayak*. Jakarta: Multi Kreasi Satu Delapan.
- Sulastri, Saptiana. (2017). "Unsur-unsur Budaya Dayak Iban dalam Novel *Keling Kumang* Karya Ray Masri Sareb Putra" dalam *Jurnal Pendidikan Bahasa*, Vol.6, No.1 [Juni]. Tersedia secara online juga di: <file:///C:/Users/acer/Downloads/398-1820-1-PB.pdf> [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 23hb Januari 2018].
- Sutlive Jr., Vinson H. (1978). *The Iban of Sarawak*. Illinois: AHM Publishing Corporation Arlington Heights.
- Sutlive Jr., Vinson H. (1992). *Tun Jugah of Sarawak: Colonialism and Iban Response*. Malaysia: Ampang Press Sdn Berhad.
- Sutlive, V. & J. Sutlive [eds]. (2001). *The Encyclopedia of Iban Studies*, Volume I-IV. Kuching: The Tun Jugah Foundation.
- Uchibori, Motomitsu. (1984). "Transformation of Iban Social Consciousness" in *SENRI: Ethnological Studies*, Volume 13.
- Temubual dengan Albans Ak Meling, 77 tahun, Pesara dan Bekas Setiausaha Eksekutif PESAKA (Parti Pesaka Anak Sarawak) di Krian, Saratok, Sarawak, Malaysia, pada tarikh 16hb Mac 2016.
- Temubual dengan Hieronimus Bumbun, 79 tahun, *Archbishop* Roman Katolik, di Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia, pada tarikh 19hb Mac 2015.
- Temubual dengan Jimmy Adit, 60 tahun, *Blogger* dan *Jurnalis*, di Kpg Sorak Dayak, Serian, Sarawak, Malaysia, pada tarikh 15hb Mac 2016.
- Temubual dengan John Bamba, 48 tahun, Pengarah Institut Dayakologi, di Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia, pada tarikh 18hb Mac 2015.
- Temubual dengan Tatum Ak Sutong, 50 tahun, Ahli Parti PBB (Pesaka Bumiputera Bersatu), di Julau, Sarawak, Malaysia, pada tarikh 16hb Mac 2016.
- Tirtosudarmo, Riwanto & John Haba [eds]. (2005). *Dari Entikong sampai Nunukan: Dinamika Daerah Perbatasan Kalimantan – Malaysia Timur (Serawak dan Sabah)*. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan.
- Tugang, Noria. (2014). *Pua: Identiti dan Budaya Masyarakat Iban*. Kota Samarahan: Penerbit UNIMAS [Universiti Malaysia Sarawak]. Tersedia secara online juga di: <https://ir.unimas.my/12046/1/Pua> [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 23hb Januari 2018].
- Umbar, Harry Usup. (2015). *Dayak, Iban Borneo II: Sejarah Bansa Dayak, Iban*. Kuching: Syarikat Sg. Teras Gerempung SIWA [Penulis Iban Sarawak].
- Walker, J.H. (2002). *Power and Prowess: The Origins of Brooke Kingship in Sarawak*. Australia: ASAA Southeast Asia Publications Series.
- Widjono, Roedy Haryo. (1998). *Masyarakat Dayak Menatap Hari Esok*. Jakarta: Penerbit Grasindo.
- Yusof, Ismail. (1997). *Politik dan Agama di Sabah*. Selangor: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Zainal, Zulkhairi, Sarjit S. Gill & Ahmad Tarmizi Talib. (2013). "Penerimaan dan Penglibatan Belia Sarawak terhadap Gagasan 1Malaysia" dalam *Malaysian Journal of Youth Studies*. Tersedia secara online di: [file:///C:/Users/acer/Downloads/7%20\(1\).pdf](file:///C:/Users/acer/Downloads/7%20(1).pdf) [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 23hb Januari 2018].